

TARIKH	1 / 10 / 2011	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Nasional

Doa kejayaan anak duduki PMR

» Ibu mohon haji mabrur, anggota keluarga lulus periksa

Oleh Nor Fariza Ramlan
norfariza@bharian.com.my

■ Kelana Jaya

Seorang ibu membawa hasrat murni ke Tanah Suci untuk men-
doakan anaknya supaya tenang dalam menghadapi Penilaian Menengah Rendah (PMR), minggu depan.

Suri rumah, Rohana Budin, 43, mengakui hatinya berasa berdebar menenangkan anaknya yang akan menduduki peperiksaan tidak lama lagi sedangkan dirinya bersama suami berada di Makkah.

“Anak ketiga saya sudah

selamat menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), dan kini tiba giliran anak kedua yang menghadapi peperiksaan besar.

Perasan bercampur-baur

“Pelbagai perasaan yang bercampur baur dalam diri ini...saya hanya boleh berdoa untuk kejayaan anak dalam PMR kelak dan harap kami dapat mengerjakan haji dengan sempurna,” kata-

nya ketika ditemui di Kompleks Tabung Haji di sini.

Rohana berkata, dia pasti akan merindui keempat-empat anaknya kerana tidak pernah berjauhan dalam tempoh yang lama.

Sementara itu, pesara, A Zailani Zainuddin, 43, berkata hasrat untuk menunaikan umrah yang tidak kesampaian pada Mac lalu, membawa seribu hikmah kerana menerima surat tawaran menunaikan haji.

“Perancangan menunaikan umrah tergendala ketika disebabkan faktor

yang tidak dapat dielakkan. Saya amat sedih dan percaya pasti ada peluang lain selepas itu.

“Tidak dapat digambarkan kegembiraan apabila menerima surat panggilan dari Lembaga Tabung Haji selepas sekian lama menunggu...hasrat umrah digantikan dengan ibadat haji,” katanya.

Zailani yang pertama kali menunaikan haji, berpuas hati dengan layanan yang diberikan petugas Tabung Haji bagi melancarkan perjalanan semua jemaah ke Makkah.

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	1 / 10 / 2011	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Nasional



“

*Saya hanya boleh
berdoa untuk
kejayaan anak
dalam PMR kelak*

Rohana Budin,
Bakal haji